

Sejarah amalan demokrasi negara tentukan jawatan PM



Dr Mohd Izani
Mohd Zain

Profesor Madya
di Fakulti Ekologi Manusia,
Universiti Putra Malaysia
(UPM)

Pertama kali dalam sejarah amalan demokrasi negara, penentuan untuk jawatan Perdana Menteri dilakukan secara bersemuka dengan Yang di-Pertuan Agong (YDPA). Semua 222 Ahli Parlimen diminta hadir menyatakan sokongan kepada calon yang mereka hasratkan.

Seperti kenyataan Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim, selepas menghadap YDPA, pertemuan secara langsung Ahli Parlimen dengan baginda sangat bermakna sehingga mengikutnya, akuan bersumpah (SD) yang dikumpulkan sebelum ini sudah lagi tidak relevan.

Perkembangan ini mengingatkan saya dengan proses demokrasi langsung bagi memilih jawatan Presiden di beberapa negara seperti Amerika Syarikat (AS) dan Indonesia. Pengundi diberikan hak memilih ketua negara. Cuma yang berbeza di sini, pemilihan Perdana Menteri hanya membabitkan undian Ahli Parlimen sahaja, bukan rakyat Malaysia.

Demokrasi tidak boleh dipisahkan dengan nombor. Soal jumlah undi dan kerusi seringkali membayangi pelaksanaan demokrasi. Dalam konteks penentuan Perdana Menteri juga, timbul konsep majoriti sebagai calon yang boleh dipertimbangkan.



Kenderaan membawa Ahli Parlimen memasuki Istana Negara untuk menghadap Yang di-Pertuan Agong bagi menyatakan sokongan kepada calon Perdana Menteri.

(Foto BERNAMA)

Perkara 43 Perlembagaan Persekutuan menyebut: "YDPA hendaklah terlebih dahulu melantik sebagai Perdana Menteri untuk mempengerusikan Jemaah Menteri seorang ahli Dewan Rakyat yang pada hematnya mungkin mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat itu".

Jika dihitung, seseorang yang boleh diangkat sebagai calon Perdana Menteri mesti menguasai majoriti ahli Dewan Rakyat, iaitu sekurang-kurangnya 112 undi. Majoriti mudah ini boleh melayakkan seseorang calon dilantik sebagai Perdana Menteri atas perkenan YDPA.

Pada peringkat awal, Perdana Menteri Interim, Tun Dr Mahathir Mohamad, dilihat sebagai calon tunggal pilihan majoriti Ahli Parlimen untuk dilantik sebagai Perdana Menteri. UMNO dan PAS misalnya menyatakan sokongan kepada Dr Mahathir bagi mengekalkan Dr Mahathir.

Bagaimanapun, situasi sedikit berubah apabila Barisan Nasional

(BN) yang terdiri UMNO, MCA dan MIC bersama PAS menarik balik sokongan kepada Dr Mahathir kerana mendakwa kerajaan baharu yang bakal dibentuk akan membabitkan DAP.

Malah, mereka mencadangkan Parlimen dibubar untuk memberi mandat kepada rakyat memilih kerajaan baharu. Jika ditolak undi BN dan PAS, Dr Mahathir boleh kehilangan sekurang-kurangnya 60 undi.

Perkembangan terbaru PKR menamakan calon mereka sendiri, Anwar dan bukannya Dr Mahathir kepada YDPA turut menghangatkan perbincangan siapa calon Perdana Menteri pilihan. Tindakan ini berbeza dengan sokongan PKR sebelum ini untuk mengekalkan Dr Mahathir.

Jika Anwar mendapat keseluruhan undi daripada PKR, DAP dan Amanah, beliau boleh mendapat 92 undi. Hanya kekurangan 20 undi untuk majoriti mudah. Ada juga sumber memberitahu Anwar memiliki 106 undi Ahli

Parlimen dan kini perlu mendapat sokongan beberapa sahaja lagi, khususnya daripada blok Bebas. Namun maklumat ini tidak boleh disahkan.

Ketika tulisan ini disiapkan, kita percaya sesi pertemuan Ahli Parlimen menghadap YDPA sudah pun selesai. YDPA sudah tentu mempunyai maklumat siapakah calon Perdana Menteri yang mendapat kepercayaan Ahli Parlimen.

Namun, persoalannya, apakah akan berlaku sekiranya tidak ada calon memperoleh undi majoriti? Apakah pula langkah seterusnya?

Di sinilah letaknya kebijaksanaan YDPA untuk menentukan siapakah calon Perdana Menteri yang paling layak. Satu perkara menarik ingin saya kongsi di sini ialah, adakah calon majoriti itu benar-benar mengikat keputusan yang akan diambil YDPA?

Meskipun dinyatakan dalam Perlembagaan, adakah faktor majoriti menjadi satu-satunya alasan

untuk YDPA melantik Perdana Menteri?

Jika kita mengambil kes Langkah Kajang yang berlaku pada 2014, kita boleh jadikan ia pengajaran. Apabila Pakatan Rakyat (PR) memberikan satu nama sahaja, iaitu Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail sebagai calon Menteri Besar dengan alasan mendapat majoriti kepercayaan Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor, Sultan Selangor melantik calon lain, iaitu Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Jika sebelum ini kita mendengar konsep 'kerajaan tanpa DAP' oleh BN dan PAS, Dr Mahathir dalam perutusan disiarkan secara langsung, menyatakan hasrat beliau untuk menubuhkan kerajaan tanpa parti (jika mendapat perkenan YDPA dilantik Perdana Menteri).

Perkara ini sangat menarik dikupas kerana sistem parti politik adalah entiti penting dalam amalan demokrasi di Malaysia. Malah, kerajaan dan pemimpin politik yang diangkat selama ini bersaskan sistem politik kepartian.

Oleh itu, kita terbiasa dengan istilah parti pemerintah dan parti kerajaan. Soalnya, mampukah kerajaan tanpa parti ini dilaksanakan? Apakah kesannya terhadap sistem politik kepartian yang cukup mendominasi politik negara?

Kita masih menunggu pengumuman YDPA bagi mengakhiri kemelut politik tanah air. Perlu diingat, meskipun nombor dan angka sangat penting dalam demokrasi, ia bukanlah satu jawapan mutlak.

Dalam hal ini, YDPA juga mempunyai pilihan lain, iaitu membubarkan Parlimen jika itu lebih baik untuk menyelamatkan demokrasi di negara.